

12/05/2000

Mahathir dedah Pas diperalat media Barat

Kamal Ahmad

BUKAN sekali Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan ahli dan pemimpin Umno mengenai tanggungjawab mereka untuk mempertahankan bangsa, agama dan negara. Sejak menerajui Umno pada 1981, beliau bercakap khususnya mengenai disiplin dan nilai murni Melayu, kesan perpecahan Umno, siri ancaman asing, penjajahan bentuk baru, kesan mengeksploitasi Islam oleh kelompok tertentu, kesan rakyat malas dan cetek ilmu, kepentingan memperkasa ekonomi, keharmonian dan perpaduan serta penguasaan kemahiran dalam bidang strategik, pada setiap kali Perhimpunan Agung Umno. Apabila dikesan ada politik wang dan gejala rasuah politik, beliau turut memasukkan perkara itu dalam senarai wajib yang disebut di depan perwakilan.

Semalam, Presiden Umno itu sekali lagi bercakap panjang lebar mengenai musuh dan gejala itu yang sentiasa menunggu peluang membaham walaupun tidak melibas parti, orang Melayu dan negara jika mereka alpa, ketiadaan persiapan atau terpaparnya kelemahan dalam parti serta bangsa.

Umno sejak 54 tahun lalu dilihat sebagai tunggak kepada segala-galanya di negara ini. Jika Umno rebah dek politik dalaman atau serangan luar, ia bakal memusnahkan segala-galanya yang sudah tercipta dan dikecapi oleh 2.8 juta ahli Umno malah 22 juta rakyat Malaysia, selama ini.

Dr Mahathir mengupas terperinci apa di sebalik dakyah Pas iaitu wujudnya sokongan media Barat dan pihak tertentu untuk memperalatkan parti itu bagi memusnahkan negara ini.

Jika kelmarin Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, melihat politik kotor Pas yang memudaratkan wajib ditentang dan Umno adalah pihak yang bertanggungjawab menghentikan jenayah itu.

Semalam, tembelang dan pekung Pas tidak boleh diselindungi lagi apabila Dr Mahathir mendedahkan beberapa dakyah Pas dan kesanggupan parti itu untuk melakukan apa saja asalkan matlamat memerintah negara ini tercapai. Mahu atau tidak, dakyah Pas perlu diperbetul.

Justeru, apa yang ditunggu sekarang ialah bagaimana Umno menyusun pelan dan tindakan memerangi politik Pas yang dilihat sebagai ancaman besar kepada orang Melayu, Islam dan negara ini. Oleh itu, tempoh tiga hari Perhimpunan Agung Umno ini boleh dijadikan sebahagian platform untuk perwakilan merumuskan penawarnya. Masa tidak menunggu tetapi akan terus berlalu dan cabaran kabur pada peringkat awal kini semakin ketara sama ada ia datang dari luar dan dalam termasuk daripada orang Melayu bahkan Umno sendiri.

Selain itu, apabila merenungi inti pati dan yang tersurat serta tersirat daripada maksud firman Allah dalam Surah Al-Isra' (ayat 81), Surah Ali-Imran (ayat 104), Surah Ar-Ra'd (ayat 11), Surah Al-Nisa' (ayat 32) serta doa panjang Dr Mahathir pada akhir ucapan hampir 100 minit semalam, ahli Umno harus insaf bahawa berserah kepada Allah semata-mata tidak akan memberi apa-apa makna dan kesan jika tidak disusuli perancangan, tindakan, keberanian dan kebijaksanaan untuk melakukan sesuatu.

Perwakilan juga harus mengupas beberapa isu berhubung usul agama terutama eksploitasi Islam oleh Pas. Bagi usul ekonomi, Umno wajar melihat mengenai perkembangan dalam industri pendidikan negara yang dilihat tidak memberi banyak peluang kepada pelajar Bumiputera. Kini ada hampir 500 institusi pengajian tinggi swasta di negara ini tetapi majoriti pelajarannya bukan Bumiputera. Keadaan ini akhirnya akan mencetuskan jurang jumlah cerdik pandai sekali gus memberi kesan kepada sosio-ekonomi yang kemudian menjangkit pula kepada politik.

Umno juga perlu menggariskan bagaimana program turun ke padang dilaksanakan secara menyeluruh ke peringkat akar umbi memandangkan langkah itu antara satu-satunya kaedah yang mampu mempertahankan pengaruh Umno dalam kempen pilihan raya umum ke-11. Parti juga wajar tegas terhadap mana-mana ahli atau pemimpin yang terbabit dengan sogokan supaya keyakinan rakyat terhadap Umno tidak luntur. Menggilap semula imej parti yang sedikit pudar kerana gejala itu adalah perlu sebelum wajah keseluruhan parti terpalit arang.

Cawangan dan bahagian Umno wajar diarah mengendalikan satu majlis intelek atau ceramah ilmu mengenai kesan politik wang dan membiarkan apa jua kudis sehingga menjadi barah.

Perwakilan mereka harus mengambil iktibar daripada peringatan seorang veteran Wanita Umno iaitu Habsyah Abdul Jalil, 76, yang memperjuangkan parti itu sejak sebelum 1949. Beliau dukacita apabila melihat ada kecenderungan yang sangat ketara membabitkan kebanyakan ahli Umno yang menyertai parti dengan tujuan meraih faedah kebendaan sehingga sanggup melakukan sogokan. Ini berbeza dengan semangat perjuangan ahli Umno dulu yang sanggup berkorban jiwa dan raga demi memastikan perjuangan Umno diteruskan. Wang ringgit dibelanjakan tanpa ada pihak menagih imbuhan atau balasannya.

Peringatan beliau, pemimpin termasuk pada segenap peringkat parti perlu melakukan satu perkara utama iaitu jangan mengabaikan golongan veteran dan generasi muda sebaliknya mendampingi mereka tanpa prejudis mahupun pilih kasih. Beliau melihat beberapa kelemahan berlaku dalam Umno sekarang iaitu parti mengabaikan golongan veteran dan generasi muda sehingga mereka merasa tersisih, diabaikan kemudian merajuk dan menyertai gerakan parti pembangkang.

Habsyah berkata, jika politik wang tidak dibanteras, Umno menghadapi kemungkinan besar untuk musnah. Inilah ancaman Umno sekarang, katanya.

(END)